

BH/PILIH L11 16 emel

PENERBITAN BERMUTU MASYARAKAT BERILMU

Motif Alam dalam Batik dan Songket Melayu

songket dari tahun 1900 sehingga tahun 1999.


Kajian yang dianugerahi "Pingat Emas" oleh Kementerian Sains dan Teknologi dan Inovasi di peringkat Universiti Putra Malaysia (UPM) ini pernah dipamerkan dalam bentuk poster di UPM, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dan Muzium Kraftangan.

Buku ini mengandungi enam bab dan dilengkapi ilustrasi berwarna. Penulisan dalam buku ini mengetengahkan penemuan baharu dalam bidang reka corak atau motif tempatan, khususnya batik dan songket Melayu daripada sumber alam semula jadi. Buku yang membincangkan penggunaan prinsip seni, estetika dan reka bentuk yang mempengaruhi pemilihan motif pada tekstil, khususnya batik dan songket turut mengetengahkan penghasilan tekstil yang merangkumi masyarakat lampau, pengaruh dan penggunaan tekstil, serta ciri dan kaedah perusahaan batik dan songket.

Selain membincangkan motif dan corak tekstil dalam

satu bab khusus, buku ini turut mengungkapkan satu analisis tipologi sumber batik dan songket daripada tumbuh-tumbuhan, haiwan, kosmologi dan alam bumi. Buku ini bukan sahaja memberikan maklumat tentang pengaruh motif dan corak dari sudut budaya yang mencakupi motif dalam reka corak tekstil, motif dan alam semula jadi, motif dan simbol, motif dan kosmologi serta motif alam semula jadi orang Melayu di Semenanjung Malaysia malahan mendedahkan latar belakang atau asal usul orang Melayu yang mencakupi bangsa Melayu, sejarah dan tamadun Melayu serta orang Melayu Islam yang menyumbang kepada perkembangan budaya.

Buku yang mengandungi maklumat komprehensif tentang motif batik dan songket ini disusun secara kronologi berdasarkan sumber asli yang memperkaya khazanah bangsa. Buku ini bukan sahaja boleh menjadi buah tangan kepada pelancong asing, sekali gus dapat memperkenalkan tekstil tempatan dan juga warisan



sejarah.

Buku ini ditulis oleh Dr. Haziyah Hussin, pensyarah di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM) yang pakar dalam bidang reka bentuk dan tekstil. Beliau banyak menjalankan penyelidikan tentang pakaian dan tekstil tempatan dan luar negara, kini sedang giat menulis beberapa judul lagi tentang pakaian dan tekstil yang bakal diterbitkan oleh DBP.

Oleh: Rokiah Nordin

Buku *Motif Alam dalam Batik dan Songket Melayu* merupakan satu hasil kajian tentang tekstil tempatan melalui temu bual dengan 30 informan yang mempunyai pelbagai peringkat kepakaran tentang sumber motif batik dan songket Melayu berdasarkan bahan artifak sebanyak 315 jenis blok batik dan kain



DEBAT

Debat Sosiobudaya "Dasar Ekonomi Baru: Menoleh Kembali Serampang Dua Mata"

Oleh: Md. Shukuri Hamzah

Debat Sosiobudaya dengan tajuk "Dasar Ekonomi Baru: Menoleh Kembali Serampang Dua Mata" yang berlangsung pada 4 Ogos 2006, bertempat di Dewan Seminar, Tingkat 2, Blok Podium, Menara DBP Kuala Lumpur adalah bertujuan untuk menilai kembali strategi serampang dua mata, iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dengan cara menghapuskan pengenalpastian kaum mengikut fungsi ekonomi yang dilaksanakan melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB). Isu DEB diketengahkan bagi melihat semula kejayaan dasar tersebut dalam usaha meningkatkan taraf hidup kaum bumiputera dari segi ekonomi dan meningkatkan perpaduan antara kaum di Malaysia.

Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Y. Bhg. Dato' Seri Abdul Rahman Maidin dalam hujahnya menegaskan antara punca yang menyebabkan DEB gagal mencapai matlamat yang disasarkan adalah kerana semangat tolong-menolong

dalam kalangan orang Melayu sendiri kini sudah rapuh dan luntur dalam budaya Melayu. Beliau turut menekankan agar keseimbangan antara dasar dan strategi pertumbuhan dengan dasar dan strategi pengagihan amat perlu diwujudkan supaya pada masa yang sama pertumbuhan ekonomi boleh ditingkatkan dan ketidakseimbangan taraf ekonomi antara orang Melayu dengan kaum lain dapat dikurangkan. Dengan kata lain, pengagihan hak dan manfaat ekonomi yang seimbang penting demi kestabilan masyarakat Malaysia dalam tempoh jangka panjang.

Seorang lagi ahli panel, Timbalan Ketua Pengarah Sektor IPTS, Kementerian Pengajian Tinggi, Profesor Dr. Mahani Zainal Abidin, banyak menyentuh dilema masyarakat Melayu yang masih ketinggalan dalam bidang pendidikan berbanding dengan kaum bukan Melayu. Menurutnya, penekanan yang berterusan perlu diberikan kepada aspek pembangunan modal insan, terutamanya dalam bidang pendidikan. Bagi mencapai has-

rat tersebut, tumpuan harus diberikan bukan sahaja kepada pelajar yang cemerlang dalam akademik, tetapi juga kepada pelajar yang kurang cemerlang dalam akademik, dengan menyediakan peluang dalam bidang lain seperti seni dan kreatif.

Sementara itu, Felo Penyelidik Utama Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Chamhuri Siwar, turut memberikan pandangan beliau

berhubung dengan isu ini berdasarkan data-data statistik bagi menilai semula pencapaian DEB. Menurut beliau, "pencapaian akhir DEB menggalakkan, namun jauh daripada mencapai sasaran, terutama dari segi penyusunan semula masyarakat".

Debat anjuran DBP dengan kerjasama Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd. ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah DBP Y. Bhg. Dato' Dr. Firdaus Hj. Abdullah.



SERIOUS: (dari kiri) Y. Bhg. Dato' Seri Abdul Rahman Maidin, Y. Bhg. Dato' Dr. Firdaus Hj. Abdullah, Profesor Dr. Mahani Zainal Abidin dan Profesor Chamhuri Siwar.

KUIZ KLIK DBP SIRI 27

PEMENANG akan menerima hadiah wang tunai RM50.00 daripada DBP dan langganan setahun majalah *Dewan Budaya* sumbangan Dawama Sdn. Bhd.

Soalan:

1. Apakah matlamat Penandatanganan Pernyataan Bersama antara tiga negara anggota Mabbim pada 31 Julai lalu di Indonesia?

2. Apakah usaha yang digiatkan bagi memperkaya khazanah ilmu dalam bahasa Melayu?

3. Nyatakan golongan kata bagi "kerana" dan "sebab"?

4. Nyatakan judul buku yang mengiktiraf sumbangan Pakar Pemikiran Kreatif, Jaafar Abdul Rahim yang bakal dilancarkan November nanti?

5. Apakah cabaran yang dihadapi oleh negara Singapura untuk memartabatkan bahasa Melayu?

Syarat Penyertaan:

Penyertaan terbuka kepada semua pembaca *Klik DBP* dan ahli keluarganya. Tarikh tutup penyertaan **4 September 2006**. Keputusan muktamad. Hantarkan jawapan anda beserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon, dan alamat anda kepada:

Timbalan Ketua Editor Klik DBP, Kuiz Klik DBP Siri 27, Bahagian Pengembangan Bahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Tingkat 25, Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur. Faksimile: 03-21422029 E-mel: normala@dbp.gov.my

PEMENANG KUIZ KLIK DBP SIRI 26

1. Encik Abdul Aziz Zakaria, Si Rusa, Port Dickson, N Sembilan. No. K.P.: 890212-07-5045

2. Puan Sujatha a/p Parameswaran, Taman Johor Jaya, Johor Bahru, Johor. No. K.P.: 640716-10-5920

3. Encik Nik Mohd Ridzuan Nik Daud, Wakaf Baru, Kelantan. No. K.P.: 860316-29-6021

4. Puan Nur Hasliza Zakaria, Seberang Perai Utara, P Pinang. No. K.P.: 920703-07-5626

5. Encik Ab. Rahim Md. Yasin, Sg. Chua, Kajang, Selangor. No. K.P.: 550703-04-5093

6. Encik Ismail Salleh, Kerteh Jaya, Dungun, Terengganu. No. K.P.: 0473485

7. Puan Zahrah Kamaludin, Shah Alam, Selangor. No. K.P.: 811222-14-6072

8. Encik Teh Koon Hock, Sungai Petani, Kedah. No. K.P.: 560803-02-5291

9. Encik Norazizi Mohd Noor, Simpang Pertang, N Sembilan. No. K.P.: 760310-05-5237

10. Puan Nor Umimah Omar, Tanjung Piandang, Perak. No. K.P.: 790128-07-5730